

NO. SOALAN: 464

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN
[TEMERLOH]

SOALAN :

Tuan Haji Nasrudin Bin Hassan [Temerloh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang dilaksanakan dan peraturan atau undang-undang yang dikuatkuasakan bagi meningkatkan keselamatan pengangkutan komersial dan awam khususnya bagi mengelakkan berlakunya kemalangan.

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Akta Pengangkutan Awam Darat (APAD 2010), di bawah peruntukan-peruntukan Seksyen 22 dan 23 bagi bas dan Seksyen 57 dan 58 bagi kenderaan barangan, membolehkan Suruhanjaya Pengangkutan Awam (SPAD) menjalankan aktiviti pemeriksaan dan pemantauan pematuhan tahap keselamatan oleh pengendali bas dan pengendali kenderaan barangan.

2. Sejak tahun 2013, SPAD telah memperkenalkan Kod Amalan Keselamatan Industri SPAD (.A.D. ICOP Keselamatan) sebagai syarat lesen bagi pengendali bas dan pengendali kenderaan barangan melalui pekeliling-pekeliling berikut:

- i. Pekeliling 6/2013 Pelaksanaan Kod Amalan Keselamatan Industri S.P.A.D. untuk Pengendali Bas;
- ii. Pekeliling 9/2013 dan Pindaan 2017 Pelaksanaan Kod Amalan Keselamatan Industri S.P.A.D. untuk Pengendali Bas di Kawasan Tanah Tinggi;
- iii. Pekeliling 11/2013 Pelaksanaan Kod Amalan Keselamatan Industri S.P.A.D. untuk Pengendali Kenderaan Barangan; dan
- iv. Pekeliling 8/2014 Pelaksanaan Kod Amalan Keselamatan Industri S.P.A.D. untuk Pengendali Bas Sekolah.

3. Bagi meningkatkan keupayaan, kefahaman dan kesedaran aspek keselamatan di kalangan pengendali bas dan kenderaan barangan, SPAD telah dan terus giat menjalankan program latihan keselamatan pada pengendali-pengendali bas dan kenderaan barangan.

4. Pemantauan dan pemeriksaan pematuhan pengendali kepada keperluan keselamatan di bawah SPAD ICOP Keselamatan dilaksanakan secara berkala dan juga secara rambang. Sekiranya audit atau pemeriksaan pematuhan yang dijalankan mendapati pengendali yang tidak mematuhi keperluan tersebut, mereka akan diberi tempoh 30 hari untuk melaksanakan penambahbaikan. Bagi pengendali-pengendali yang masih tidak mematuhi keperluan keselamatan selepas tempoh 30 hari, surat tunjuk sebab akan dikeluarkan dan akan digantung operasinya sehingga SPAD berpuas hati pematuhan sepenuhnya terhadap keperluan keselamatan SPAD ICOP Keselamatan tersebut.

5. Di samping itu, antara langkah yang diambil bagi mengurangkan kes kemalangan bas dan lori ialah:

- i. latihan bagi pengendali dan penguatkuasaan SPAD ICOP sebagai syarat lesen pengendali bas dan kenderaan barangan; pemeriksaan tahap pematuhan secara berkala, pemeriksaan rambang dan selepas kemalangan melibatkan pengendali;
- ii. meningkatkan kekerapan program penguatkuasaan bersepadu dengan kerjasama rapat bersama Polis DiRaja

Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK);

- iii. memantau perjalanan melalui GPS ke atas pemandu dan kelajuan di pusat kawalan operasi oleh penyelia syarikat dan juga oleh SPAD;
- iv. Tapisan rekod buku log pemandu oleh JPJ dan SPAD bagi melarang pemandu yang sudah memandu selama 8 jam untuk memandu melebihi had maksimum waktu memandu yang dibenarkan; dan
- v. Pemantauan rapi ke atas pengendali bas dan lori yang berisiko tinggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN
[TEMERLOH]**

SOALAN : 465

Tuan Haji Nasrudin Bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah yang dilaksanakan dan peraturan atau undang-undang yang dikuatkuasakan bagi meningkatkan keselamatan pengangkutan komersial dan awam khususnya bagi mengelakkan berlakunya kemalangan.

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Kementerian ini melalui Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya telah merangka Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2014 – 2020 dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kerja Raya dan agensi-agensi Kerajaan yang lain serta pihak swasta dan badan bukan Kerajaan yang berkaitan. Pelan ini akan dilaksanakan berdasarkan lima (5) Tonggak Strategik yang merangkumi program-program dan langkah-langkah intervensi yang dirancang untuk menangani isu-isu keselamatan jalan raya. Antara lima (5) Tonggak Strategik tersebut adalah seperti yang berikut:

Tonggak Strategik 1 - Pengurusan Keselamatan Jalan Raya;

Tonggak Strategik 2 - Mobiliti dan Jalan Raya Yang Lebih Selamat;

Tonggak Strategik 3 - Kenderaan Yang Lebih Selamat;

Tonggak Strategik 4 - Pengguna Jalan Raya Yang Lebih Selamat;

Tonggak Strategik 5 - Pengurusan Pasca Kemalangan.

Selaras dengan Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2014 - 2020, elemen penguatkuasaan dan pendidikan telah ditambahbaik dari semasa ke semasa dengan mengambilkira maklumbalas daripada *stakeholders*

berkaitan dan pendekatan yang digunapakai di negara-negara luar dalam menangani isu kemalangan jalan raya.

Ahli Yang Berhormat,

Di bawah elemen penguatkuasaan, Kerajaan akan meneruskan pelaksanaan *Automated Awareness Safety System (AwAS)* sedia ada bagi memastikan penguatkuasaan lalu lintas dapat dijalankan secara berterusan (24 jam sehari) dan meningkatkan *Perception of Being Caught (POBC)* ke tahap yang lebih tinggi dan sekaligus mengubah tingkah laku pemandu. Selain itu, bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan dan memastikan pengguna jalan raya tidak mengulangi kesalahan lalu lintas, Sistem Mata Demerit telah dilaksanakan semula sebagai satu mekanisma untuk mengubah tingkah laku pemandu agar lebih berhemah semasa berada di jalan raya

Dari aspek pendidikan pula, program advokasi melibatkan *community-based* dan pembelajaran Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) kepada pelajar sekolah rendah dan pelajar sekolah menengah telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan. Selain itu, Kurikulum Pendidikan Pemandu (KPP) telah digubal semula berasaskan *learning outcome based* di mana penekanan akan diberikan terhadap aspek kognitif (*cognitive*), kemahiran (*psychomotor*) dan sikap (*affective*).

Tambahan itu, Kerajaan akan terus meningkatkan kerjasama dengan pengendali pengangkutan dalam memastikan semua peratuan dan garis panduan berhubung dengan lesen kenderaan perdagangan seperti *Industrial Code of Practice - Safety, Health & Environment (ICOP-SHE)* dipatuhi oleh pengendali dan pemandu mereka.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. TUAN HAJI NASRUDIN HASSAN
KAWASAN : TEMERLOH
TARIKH : 3 OGOS 2017
NO. SOALAN : 466

SOALAN

YB. Tuan Haji Nasrudin Hassan (Temerloh) minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan langkah bagi memperkukuhkan industri halal dalam Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Industri halal adalah antara industri yang dilihat telah berkembang secara meluas berdasarkan peningkatan permintaan terhadap produk dan perkhidmatan halal daripada pasaran domestik dan antarabangsa. Ia telah mewujudkan pelbagai peluang kepada para usahawan tempatan untuk memperluaskan capaian ke pasaran halal antarabangsa, khususnya ke negara-negara ASEAN.

2. Pada tahun 2016, jumlah eksport bagi industri halal negara adalah sebanyak RM42.12 bilion di mana eksport ke negara-negara Asia merupakan penyumbang tertinggi berjumlah RM11.62 bilion. Di kalangan negara-negara ASEAN, Singapura merupakan destinasi

eksport utama produk halal negara bernilai RM4.8 billion, diikuti Indonesia bernilai RM1.8 bilion dan Thailand bernilai RM1.5 bilion. Antara produk-produk halal utama yang dieksport ke negara-negara ASEAN adalah makanan dan minuman yang bernilai RM7.6 bilion, diikuti ramuan halal bernilai RM2.6 bilion serta barangan kosmetik dan penjagaan diri bernilai RM0.6 bilion.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Komitmen Malaysia dan negara-negara ASEAN terhadap pembangunan industri halal diterjemahkan melalui penubuhan ASEAN *Working Group on Halal Food (AWGHF)* yang diwujudkan pada tahun 2000 di bawah ASEAN *Ministers on Agriculture and Forestry (AMAF)* untuk menangani isu-isu makanan halal di ASEAN. Kumpulan kerja ini diberikan mandat untuk menggalakkan kerjasama, pertukaran maklumat, harmonisasi standard dan polisi makanan halal serta menjalankan kajian pemprosesan dan pemasaran makanan halal di rantau ASEAN.

4. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan melalui kumpulan kerja ini adalah membangunkan *Plan of Action for ASEAN Cooperation in Halal Food (2017-2020)*. Di bawah pelan tindakan ini, setiap negara diberi tanggungjawab untuk melaksanakan program dan aktiviti yang mampu menyumbang kepada pembangunan industri halal di rantau Asia Tenggara. Pelan Tindakan ini antara lain memberi mandat kepada Malaysia untuk mengemukakan cadangan berkaitan kaedah mengharmonisasi standard halal di rantau ini.

5. Selain daripada itu, Kumpulan Kerja ini juga sedang dalam usaha membangunkan laman web halal ASEAN yang merangkumkan maklumat berkaitan produk-produk halal, premis perniagaan halal di rantau ASEAN, dan senarai syarikat yang mengeluarkan produk halal. Pembangunan laman web ini masih di peringkat awal pelaksanaan dan negara-negara anggota sedang menyediakan input untuk dimuat naik dalam laman web tersebut.

6. Melalui kerjasama erat di peringkat ASEAN ini, Kerajaan berharap halangan-halangan perdagangan yang dikenakan oleh negara-negara serantau terhadap produk-produk halal dapat dikurangkan sekaligus dapat menyumbang kepada pertumbuhan industri halal di rantau ini.

Tuan Yang Dipertua,

7. Berdasarkan Pelan Induk Industri Halal 2018-2020 (HIMP), pihak Kerajaan turut berhasrat menjadikan Malaysia sebagai sebuah hab halal global di samping meningkatkan jumlah eksport bagi industri halal kepada RM50 billion pada tahun 2020. Bagi mencapai hasrat tersebut, Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) dengan populasi berjumlah 630 juta orang, telah dikenal pasti sebagai salah satu pasaran yang mampu menyumbang kepada perkembangan industri halal Malaysia.

8. Sehingga Jun 2017, beberapa inisiatif berkaitan pembangunan industri halal telah dilaksanakan oleh pihak kementerian melalui agensi *Halal Industry Development Corporation* (HDC) bersama negara-negara rantau Asia. Antaranya termasuk kerjasama Malaysia-Indonesia melalui Memorandum Persefahaman (*Memorandum of Understanding - MoU*) di antara HDC dan Kamar Dagang dan Industri (KADIN) yang bertujuan untuk memudahkan sebarang aktiviti dagangan dan pelaburan halal. Ia

turut memfokuskan kepada penyediaan khidmat nasihat, latihan serta aktiviti padanan perniagaan untuk para usahawan halal daripada kedua-dua buah negara.

9. Selain itu, pihak kementerian juga telah menerima permohonan lawatan kerja rasmi daripada kerajaan Viet Nam untuk menghantar pegawai berkaitan bagi mendapatkan latihan halal di Malaysia. Sehubungan itu, pihak kementerian akan terus mewujudkan kerjasama erat di antara negara-negara rantau Asia bagi memperkukuhkan lagi industri halal di rantau ini seterusnya menjadikan Malaysia sebagai negara peneraju dalam pembangunan industri halal.

Sekian, terima kasih.